


اونيت حال احوال إسلام

SEMBANG

@Waghik

KELUARAN : BIL 9

APRIL 2026 | ZULKAEDAH 1447



World
University
Rankings
2023 TOP 1591+



MDEC
Premier Digital
Tech Institution



THE
2022 TOP 101-200



MENJAGA KEPENTINGAN BACAAN AL QURAN

Susunan oleh:

Ustaz Mohamad Fadzly Bin Spalie



Menjaga kepentingan bacaan

Al-Quran melibatkan pemeliharaan kesucian kalam Allah dan memastikan maksud setiap ayat disampaikan dengan tepat. Tanpa penjagaan yang betul, makna ayat boleh berubah, yang secara tidak langsung menjejaskan kualiti ibadah seseorang.

Berikut adalah sebab utama mengapa kita perlu menjaga kualiti bacaan Al-Quran:

1. Memelihara Ketepatan Makna

Mempelajari ilmu tajwid adalah wajib untuk mengelakkan kesalahan sebutan yang boleh mengubah makna:

- Menghindari Lahn (Kesalahan): Menjaga bacaan daripada lahn al-jalib (salah nyata) dan lahn al-khafiy (salah tersembunyi) bagi memastikan ayat dibaca mengikut kaedah yang diturunkan.
- Ketepatan Huruf: Memastikan makhraj (tempat keluar huruf) dan sifat-sifat huruf dijaga dengan sempurna.

2. Memperoleh Kelebihan di Akhirat:

- Syafaat: Al-Quran akan datang sebagai pembela atau pemberi syafaat kepada pembacanya di hari kiamat.
- Ganjaran Berganda: Bagi mereka yang masih belajar dan kurang lancar, Allah menjanjikan dua pahala kerana usaha gigih mereka untuk memperbaiki bacaan.

3. Meningkatkan Kualiti Ibadah & Jiwa

- Khusyuk dalam Solat: Bacaan Al-Quran yang terjaga hukum tajwidnya membantu seseorang mencapai ketenangan dan rasa khusyuk, terutamanya ketika solat atau qiyamullail.
- Penghormatan kepada Kalamullah: Menjaga kualiti bacaan adalah salah satu bentuk adab dan rasa hormat yang tinggi terhadap kalamullah.

Kepentingan bacaan Al-Quran juga dipelihara melalui sistem Talaqqi dan Musyafahah (belajar bersemuka dengan guru). Kaedah ini memastikan bacaan kita selari dengan sanad yang bersambung terus kepada Nabi Muhammad





دوہائی انق

نصیحت امام الغزالي

“دوہائی انق”

دوہائی انق، سالہ ساتو یغ ترکاندوغ دالم
 نصیحت رسول اللہ کفد اومتش : سالہ ساتو تندا
 اللہ منجاء وھکن دیری درقد سآورغ همبا ایالہ
 کسبوقنش دالم فرکارا یغ تیدق کنا-مغنا دغن
 دیریش، دان سسآورغ ایت جک برلاو والووقون
 سجم درقد عمورث دالم سلاہین اف یغ
 دچیقتاکن اونتوقش درقد عبادۃ، مک سوده
 ممدادی اونتوق دقنچغکن قپسلنش. دان بارغ
 سیاقا یغ ملقسی عمور امتت قولوہ، سدغکن
 کباءیقنش بلوم مینجغکاءوہی کبوروقنش، مک
 برسیدیالہ اونتوق نراک. دان دالم نصیحت این
 سہاج سوده ممدادی اونتوق سآورغ اہلی علمو.



APAKAH ITU TAKABUR?

Ketahuilah bahawa setiap pancaindera kita pendengaran, penglihatan, dan hati akan dipertanggungjawabkan di hadapan Allah kelak. Hati adalah pemimpin bagi anggota badan; jika hati itu baik, maka baiklah seluruh perbuatan kita. Sebaliknya, jika hati itu rosak kerana penyakit, maka rosaklah seluruh peribadi kita.



Antara penyakit hati yang paling berbahaya ialah takbur (sombong) terhadap sesama hamba Allah. Janganlah kita berjalan di muka bumi ini dengan penuh keangkuhan, kerana setinggi mana pun kesombongan kita, kita tidak akan mampu membelah bumi mahupun menyamai ketinggian gunung-ganang

Rasulullah ﷺ bersabda:

"Takbur itu adalah menolak kebenaran dan merendahkan-rendahkan orang lain." (HR Muslim).

Berdasarkan hadis ini, takbur terbahagi kepada dua jenis:

1. Menolak Kebenaran: Seseorang yang enggan menerima kebenaran hanya kerana orang yang menyampaikannya lebih muda atau lebih rendah kedudukannya. Inilah yang membinasakan Firaun, kaum Bani Israil, Abu Lahab, dan tokoh kafir Quraisy.
2. Merendahkan Orang Lain: Seseorang yang merasa dirinya lebih sempurna, lebih kaya, lebih berilmu, atau lebih tampan sehingga memandang rendah kepada orang lain.



DEFINISI TAKABBUR

Sifat merendahkan orang lain ini boleh menyerang sesiapa sahaja tanpa disedari:

- Suami yang merendahkan isterinya.
- Ayah yang memandang rendah pengetahuan anaknya.
- Guru yang merasa dirinya jauh lebih hebat daripada muridnya.



MUHASABAH DIRI

Marilah kita teliti hati masing-masing.

- Jika muncul rasa bangga dengan harta, ingatlah kisah Qarun yang ditelan bumi bersama kekayaannya.
- Jika muncul rasa bangga dengan kuasa, ingatlah Firaun yang mati lemas di laut.
- Jika bangga dengan kekuatan, ingatlah bahawa sakit gigi sahaja sudah cukup untuk membuat kita tidak berdaya.
- Jika bangga dengan ilmu, sedarlah bahawa ilmu itu hanyalah pinjaman dan hasil usaha ulama terdahulu.

Segala kelebihan yang kita miliki adalah kurniaan Allah semata-mata, maka kita wajib bersyukur dan bersikap tawaduk (rendah hati).

Tawaduk adalah antara ibadah yang paling utama yang sering dilalaikan manusia. Jika semua orang bersikap rendah hati, nescaya perasaan benci, hasad dengki, dan permusuhan akan hilang daripada masyarakat kita.



AKTIVITI UHEI



1 Program Pemantapan Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah

Program ini bertujuan untuk memberi kefahaman mendalam mengenai konsep ketetapan Allah (Qada' dan Qadar) mengikut neraca akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah.



2 Majlis Khatam Al-Quran Kampus Kuala Pilah 1447H

Majlis Khatam Al-Quran Kampus Kuala Pilah 1447H merupakan sebuah acara tahunan yang penuh keberkatan, dianjurkan khusus bersempena dengan bulan Ramadan Kareem. Program ini menjadi kemuncak kepada aktiviti tadarus Al-Quran yang dijalankan sepanjang bulan yang mulia ini.



3 Program Pemantapan Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah

Program ini dianjurkan bertujuan untuk mengupas dua istilah yang sering menjadi perbincangan hangat dalam kalangan masyarakat Islam, iaitu Tawassul dan Tabarruk. Program ini akan membimbing para peserta untuk memahami kedua-dua konsep ini berlandaskan neraca akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ) yang sebenar.



4 Program Jom Kacau Bubur Lambuk @ UHEI Pilah

merupakan sebuah aktiviti tradisi dan kemasyarakatan yang dianjurkan oleh Unit Hal Ehwal Islam (UHEI) UTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah sempena menyambut bulan Ramadan yang mulia. Program ini menghimpunkan warga kampus dalam suasana gotong-royong yang penuh ukhuwah untuk menyediakan hidangan ikonik Ramadan.

SAHAM AKHIRAT

Jom
TABUNG **INFAQ**
Pusat Islam Al-Taqwa

Allah S.W.T berfirman yang bermaksud: "Bandingan (derma) orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbakan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji." Dan (ingatlah), Allah melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurnia-Nya, (lagi) meliputi ilmu pengetahuan-Nya." (Surah al-Baqarah, ayat 261).



SCAN ME

Unit Hal Ehwat Islam
Kampus Kuala Pilah

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
Unit Hal Ehwat Islam
Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Seremban

Tabung Pusat Islam
UITM Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Rembau

IMBAS & DERMA



JOM BERSEDEKAH
[HTTPS://UITMPAY.UITM.EDU.MY/GIVING/PRODUCT/AAN3/02/23](https://uitmpay.uitm.edu.my/giving/product/AAN3/02/23)

UHEI UITM Kampus Rembau

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
Kampus Seremban

TABUNG
PUSAT ISLAM
SHEIKH HAJI AHMAD SAID
UITM Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Seremban

SCAN ME

Jom
BERSEDEKAH



Sedekah Membawa

Barakah!

BEST CHOICE

UNIT HAL EHWAT ISLAM
UITM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
KAMPUS SEREMBAN



**Sumbangan Anda
Kami Hargai**

Kampus Kuala Pilah

Unit Hal Ehwal Islam (UHEI) UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah bertanggungjawab merancang, melaksana, menyelia serta memantau segala program dan aktiviti kerohanian dan keagamaan di UiTM Cawangan Negeri Sembilan, khususnya di UiTM Kampus Kuala Pilah selaras dengan aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah, disamping menjalankan aktiviti kebajikan kepada warga UiTM dan masyarakat.



Ustaz Mohammad Faizul bin Abdan

Penolong Pendaftar Kanan (N10)
Ketua Seksyen I Unit Hal Ehwal Islam I Kampus Kuala Pilah





Ustaz Mohamad Fadzly bin Spalie

Pegawai Eksekutif Kanan (N6)
Unit Hal Ehwal Islam, Kampus Kuala Pilah

Unit Hal Ehwal Islam

Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Kuala Pilah
Pekan Parit Tinggi
72000 Kuala Pilah
Negeri Sembilan
Malaysia



Kampus Seremban

Unit Hal Ehwal Islam (UHEI) UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban bertanggungjawab merancang, melaksana, menyelia serta memantau segala program dan aktiviti kerohanian dan keagamaan di UiTM Cawangan Negeri Sembilan, khususnya di UiTM Kampus Seremban selaras dengan aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah, disamping menjalankan aktiviti kebajikan kepada warga UiTM dan masyarakat.



Ustazah Izwaniyati binti Ibrahim

Penolong Pendaftar Kanan (N10)
Ketua Seksyen I Unit Hal Ehwal Islam I Kampus Seremban



Ustaz Puad bin Osman

Penolong Pendaftar Kanan (N10)
Unit Hal Ehwal Islam, Kampus Seremban



Ustaz Muhammad Luqman bin Roslan

Pegawai Eksekutif (N5)
Unit Hal Ehwal Islam, Kampus Seremban



Ustaz Abdul Hadi bin Abd. Wahab

Pembantu Tadbir (N1)
Unit Hal Ehwal Islam, Kampus Seremban

Unit Hal Ehwal Islam

Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Seremban
Persiaran Seremban 3/1 Seremban 3
73000 Seremban
Negeri Sembilan
Malaysia



06-6342000



Unit Hal Ehwal Islam
Kampus Seremban

Kampus Rembau

Unit Hal Ehwal Islam (UHEI) UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau bertanggungjawab merancang, melaksana, menyelia serta memantau segala program dan aktiviti kerohanian dan keagamaan di UiTM Cawangan Negeri Sembilan, khususnya di UiTM Kampus Rembau selaras dengan aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah, disamping menjalankan aktiviti kebajikan kepada warga UiTM dan masyarakat.



Ustaz Nor Mohd Faisal bin Md Ariffin

Timbalan Pendaftar (N12)

Ketua Unit Hal Ehwal Islam | UiTM Cawangan Negeri Sembilan



Ustazah Masliyana binti Ismail

Penolong Pendaftar Kanan (N10)

Ketua Seksyen | Unit Hal Ehwal Islam, Kampus Rembau



Ustaz Muhammad 'Adli bin Ibrahim

Pegawai Eksekutif (N5)

Unit Hal Ehwal Islam, Kampus Rembau



Ustaz Mohd Sairin bin Sarlan

Pembantu Tadbir (N1)

Unit Hal Ehwal Islam, Kampus Rembau

Unit Hal Ehwal Islam

Universiti Teknologi MARA (UiTM)

Cawangan Negeri Sembilan

Kampus Rembau

Jalan UiTM Rembau

71300 Rembau

Negeri Sembilan

Malaysia



06-6982354



Unit Hal Ehwal Islam
UiTM Cawangan Negeri Sembilan